

# KL tidak bantah tindakan AS perketat syarat visa

PORT DICKSON: Malaysia tidak akan membantah tindakan Amerika Syarikat (AS) memperketatkan pengeluaran visa bagi rakyat asing, termasuk warga negara ini yang ingin melawat negara berkenaan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, negara berkenaan boleh melakukan tindakan seumpama itu di negara mereka, asalkan mereka tidak membuat 'kacau' di negara ini.

"Tak ada, kita tak bantah, orang nak buat di negeri lain, jangan kacau di negeri kita sudah," kata beliau.

Beliau berkata, negara ini tidak boleh berbuat apa-apa sekiranya Amerika Syarikat mencurigai rakyat Malaysia yang berhasrat untuk melawat negara berkenaan.

Dr Mahathir bercakap kepada pemberita pada Hari Keluarga Pejabat Perdana Menteri di Kondominium Peranginan Tenaga Nasional Berhad dan perkarangan Hotel Guoman Resort, dekat sini, semalam.

Beliau diminta mengulas kenyataan Penasihat Kanan Perancangan Strategik untuk Perkhidmatan Visa, Stephen A Edson di Washington bahawa permohonan visa untuk bukan penduduk ke Amerika Syarikat, termasuk Malaysia, diperlukan hadir di kedutaan negara berkenaan. Peraturan ini berkuat kuasa semalam.

Ditanya mengenai layanan buruk pihak imigrasi New Zealand terhadap tiga rakyat Malaysia, Dr Mahathir berkata, beliau sedih apabila rakyat negara ini dicurigai sedemikian rupa.

"Rakyat Malaysia, umumnya sangat bertanggung jawab, mereka tidak terbabit dalam perkara (tidak baik) seperti itu, jika mereka melakukannya mereka sudah ditahan oleh pihak berkuasa negara ini," kata beliau.

Beliau diminta mengulas laporan tiga rakyat negara ini Liew Eng Teck, Tan Teck Hing dan How Ah Wan yang terpaksa menjalani pemeriksaan ketat termasuk dibogelkan ketika sampai di Auckland, untuk bercuti selama 10 hari.

Mereka bertiga juga ditahan dalam penjara semalaman, sebelum dihantar pulang pada keesokan harinya.